



NAJIB TUN RAZAK bergambar bersama sebahagian kakitangan Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia ketika hadir dalam program #Bajet 2018 Bersama Rakyat dan pelancaran Amanah Dana Anak Malaysia (ADAM50) di auditorium hospital itu di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Pengerusi Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Tan Sri Abdul Wahid Omar (barisan depan, enam dari kanan). - BERNAMA

PM bayangkan lebih banyak sistem itu dihapuskan

Sedia mansuhkan tol

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi gambaran kerajaan pimpinannya bersedia untuk memansuhkan lebih banyak tol di jalan-jalan di negara ini pada masa depan.

Perdana Menteri secara peribadi mengakui bahawa beliau sendiri tidak suka kepada sistem bertol dengan menyifatkannya sebagai 'menyakitkan hati' dan menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Beliau berkata, disebabkan itu, dalam Bajet 2018, kerajaan membuat keputusan memansuhkan beberapa tol termasuklah tol Batu



Saya tidak percaya kalau kita kenakan tol secara harian adalah baik kepada rakyat. Tidak, saya tidak percaya itu."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Tiga, Sungai Rasau, Bukit Kayu Hitam, Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur Johor (EDL), selain tol di Cheras yang dihapuskan sebelum itu.

"Saya tidak percaya kalau kita kenakan tol secara harian adalah

baik kepada rakyat. Tidak, saya tidak percaya itu.

"Kalau Lebuhraya Utara-Selatan, Kuala Lumpur ke Karak yang digunakan sekali sekali tidak apa. Kalau hari-hari bayar tol, dua kali, empat kali, siapa pun sakit hati," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika sesi perkongsian #Bajet 2018 Bersama Rakyat mengenai Kesejahteraan Isi Rumah di Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang disiarkan secara langsung di laman Facebook beliau hari ini.

Menurut Najib, Perdana Menteri terdahulu (dipercayai merujuk kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad) merupakan seorang yang sangat mempercayai sistem

bertol tetapi berbeza dengannya yang menegaskan tidak suka kepada tol.

Di bawah kepemimpinannya, kerajaan sedang membina Projek Lebuhraya Pan Borneo yang tidak mempunyai tol kepada rakyat di Sabah dan Sarawak.

"Apa yang saya boleh lakukan, saya akan hapuskan tol kerana tidak rasa bagus, sakit hati, sebabkan kesesakan.

"Saya akan lihat semula keputusan (kepimpinan) terdahulu yang saya fikir membebaskan rakyat," jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan boleh memansuhkan tol tetapi beliau perlu menyelesaikan isu-isu berkaitan dengannya terlebih dahulu yang ditimbulkan oleh legasi terdahulu.